

Nombor Angka Giliran: .....

No. Tempat Duduk: .....

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/1997

April 1997

SEW211- Mikroekonomi I

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi Enambelas muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A (60%)

Jawab SEMUA soalan dengan memasukkan jawapan ke dalam ruang-ruang kosong yang disediakan.

Soalan 1

A. Raju lebih suka makan coklat daripada aiskrim, dan lebih suka aiskrim daripada gula-gula. Beliau menyukai rojak sama seperti ia menyukai cendol dan dia lebih menyukai cendol daripada aiskrim.

(a) Andaikan Raju mempunyai keutamaan yang mematuhi aksiom-aksiom pilihan pengguna yang biasa, bagaimanakah pilihannya di antara cendol dan gula-gula?

(2 markah)

(b) Bagaimanakah pola pilihannya di antara rojak dan coklat?

(2 markah)

- B. Syarikat XYZ mengeluarkan barangan ABC dengan fungsi pengeluaran yang berbentuk:

$$Q = K^{0.5} L^{0.6}$$

dengan: K = input modal, L = input buruh, dan Q = output ABC. Syarikat XYZ kini beroperasi dalam jangka pendek dengan menggunakan 36 unit modal sehari.

- (a) Terbitkan keluk keluaran marginal buruh bagi Syarikat XYZ.

(2 markah)

- (b) Terbitkan keluk isokuan input bagi buruh.

(2 markah)

...3/-

(c) Terbitkan persamaan  $MRTS_{LK}$  Syarikat XYZ.

(2 markah)

C. Ali mempunyai fungsi utiliti yang berbentuk:

$$U(X, Y) = -20,875 + 20X^2 + 15Y^2$$

dengan: X dan Y merupakan barangan yang digemari Ali. Andaikan harga barangan X adalah RM20 dan harga barangan Y pula adalah RM15 manakala pendapatan Ali bulan ini adalah RM1575.

(a) Tentukan nilai-nilai optimum  $X^*$  dan  $Y^*$  yang akan memaksimumkan utiliti Ali.

(4 markah)

...4/-

(b) Berapakah nilai utiliti maksimum (dalam unit util) yang boleh dicapai oleh Ali?

(2 markah)

D. Syarikat DoDo mempunyai fungsi kos purata jangka pendek yang berbentuk:

$$AC = 3 + 4Q$$

dengan: AC = kos purata firma (dalam ringgit/ kg. barangan), dan Q = output.

(a) Dapatkan persamaan fungsi kos total jangka pendek.

(2 markah)


...5/-

(b) Adakah firma tersebut mempunyai kos tetap? Jelaskan.

(2 markah)

(c) Jika harga barangan Syarikat DoDo adalah RM2 (setiap kg.), adakah firma ini sedang mencapai keuntungan ataupun kerugian? Jelaskan.

E. Jawab soalan-soalan berikut mengenai firma persaingan sempurna dengan menggunakan gambar rajah kos jangka pendek di bawah:



(a) Adakah firma ini akan mengeluarkan output dalam jangka pendek jika harga setiap unit adalah RM7? Jelaskan.

(2 markah)

(b) Adakah firma akan mengeluarkan output dalam jangka pendek jika harga setiap unit adalah RM10? Jelaskan.

(2 markah)

- (c) Jika harga setiap unit adalah RM30, apakah firma akan mendapat keuntungan atau kerugian? Lorekkan dalam gambar rajah di atas kawasan yang mewakili keuntungan ataupun kerugian firma pada harga tersebut.

(2 markah)

- F. Syarikat Fumukilla menjual barangnya di dua pasaran yang berasingan. Keluk permintaan di kedua-dua pasaran dianggarkan sebagai berikut:

$$P_A = 50 - 0.3q_A \quad \text{dan} \quad P_B = 47 - 0.15q_B$$

Firma tersebut mengeluarkan barangnya dengan fungsi kos:

$$TC = 100 + 20Q \quad \text{dengan} \quad Q = q_A + q_B$$

- (a) Tentukan bagaimana firma ini akan membekalkan kuantiti yang akan memaksimumkan keuntungannya di kedua-dua pasaran tersebut.

(4 markah)

(b) Hitungkan keuntungan firma tersebut di bawah keadaan diskriminasi harga.

(2 markah)

...9/-



G. Sebuah industri mempunyai dua firma, A dan B. Mereka mengeluarkan output seragam dan keluk permintaan industri diberi oleh persamaan berikut:

$$Q_T = 1000 - 10P$$

dengan,  $Q_T$  = output total industri, dan  $P$  = harga output. Pengeluaran output tidak melibatkan sebarang kos tetapi setiap firma mempunyai had kapasiti sebanyak 400 unit.

(a) Katakan yang pakatan monopoli berlangsung pada mulanya. Apakah harga monopoli dan pembahagian output di antara firma A dan B jika kedua-duanya bersetuju membahagikan output total?

- b) Jika pemotongan harga wujud seperti yang diandaikan oleh Edgeworth, berapakah harga pasaran yang paling rendah yang akan dicapai? Adakah kedudukan ini stabil? Mengapa?


(4 markah)

- (c) Katakan pada kali ini pula pakatan Chamberlin berlaku. Apakah output firma A dan B? Apakah harga pasaran dalam jangka panjang? Keuntungan firma A dan B?

(6 markah)

11/-


H. Firma Bedrock Sdn. Bhd. menggunakan 100 jam buruh (L) dan 50 tan simen (S) untuk mengeluarkan 500 unit output. Kos buruh adalah RM4 setiap jam dan kos simen adalah RM12 setiap tan. Bagi kuantiti-kuantiti input yang digunakan,  $MPP_L = 3$  dan  $MPP_S = 2$ . Tunjukkan situasi ini dengan menggunakan gambar rajah isokuan-isokos di bawah. Jelaskan secara ringkas dan tunjukkan dalam gambar rajah tersebut bagaimana firma tersebut boleh mengeluarkan output yang sama dengan kos total yang lebih rendah.



(2 markah)  
...12/-

I. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk pendapatan-penggunaan seorang pengguna bagi barangan X. Jawab soalan-soalan berikutnya mengenai kes ini:

Perbelanjaan atas barangan lain (RM)



(a) Berapakah harga barangan X?

(2 markah)

(b) Berapakah jumlah perbelanjaan pengguna tersebut terhadap barangan lain pada titik A?

(2 markah)

(c) Berapakah jumlah perbelanjaan pengguna tersebut terhadap barangan lain pada titik B?

(2 markah)

(d) Mungkinkah barangan X merupakan barangan inferior bagi pengguna tersebut jika pendapatannya adalah RM600? Bagaimana pula jika pendapatannya adalah RM2000?

(4 markah)

...14/-

**Bahagian B (40%)**

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan. Pastikan anda senaraikan andaian-andaian anda. Gunakan gambar rajah dalam penjelasan anda jika perlu.

2. Menurut teori ekonomi penggunaan, jika terdapat dua barangan biasa (X dan Y) dan jika harga barangan X turun (manakala  $P_Y$  tetap), ini akan menyebabkan kuantiti barangan X yang diminta naik. Jika kenyataan ini benar, jawab soalan-soalan berikut:

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan "Kesan Penggantian" dan "Kesan Pendapatan". Bolehkah "Kesan Penggantian" mempunyai hubungan positif? Mengapa? Bolehkah "Kesan Pendapatan" mempunyai hubungan positif? Mengapa?

(4 markah)

(b) Jelaskan perbezaan di antara barangan biasa dan barangan bawahan?

(4 markah)

(c) Apakah barangan Giffen dan apakah hubungan di antara barangan Giffen dan barangan inferior?

(4 markah)

(d) Di negara Jepun, undang-undang yang menghalang pengimportan beras dari negara-negara lain telah menyebabkan harga beras di Jepun 10 kali ganda lebih tinggi daripada paras harga dunia. Jika undang-undang tersebut dilonggarkan, tunjukkan secara gambar rajah apakah yang akan berlaku kepada keseimbangan seorang pengguna Jepun akibat dari perubahan ini.

(8 markah)

3. Teori perlakuan pasaran menumpukan perhatian kepada struktur dan jenis pasaran dalam sesebuah ekonomi. Empat jenis pasaran yang sering diklasifikasikan oleh ahli-ahli ekonomi termasuk: pasaran persaingan sempurna, pasaran monopoli, pasaran oligopoli, dan pasaran monopolistik.

(a) Gunakan gambar rajah yang sesuai dan buktikan mengapa firma pasaran monopoli akan mengaut keuntungan yang lebih besar berbanding dengan firma dalam pasaran persaingan sempurna jika diandaikan kos pengeluaran adalah sifar.

(4 markah)

(b) Terangkan mengapa rangka kerja oligopoli mempunyai banyak model manakala rangka kerja monopoli dan persaingan sempurna masing-masing hanya menggunakan satu model sahaja.

(4 markah)

(c) Mat Pizza merupakan gerai tunggal yang menjual pizza di Universiti Ulu Malaysia. Oleh itu, Mat Pizza tidak mempunyai sebarang pesaing di kampus tersebut. Mat Pizza mempunyai dua jenis pelanggan. Penuntut-penuntut bidang Ekonomi memandu kereta Proton Kancil ke Mat Pizza dan membayar pizza mereka dengan wang tunai. Kos pizza kepada penuntut-penuntut ini adalah RM1. Penuntut-penuntut bidang Kejuruteraan pula memandu kereta BMW dan membayar pizza mereka dengan kad kredit American Express. Oleh kerana American Express mengenakan kos penggunaan ke atas kad kredit mereka, Mat Pizza terpaksa menjual pizza mereka dengan kos RM1.10 kepada mereka yang membayar dengan menggunakan kad kredit. Selain dari cara pembayaran yang berbeza di antara penuntut-penuntut Ekonomi dan Kejuruteraan, kedua-dua pihak mempunyai permintaan yang sama terhadap pizza.

(i) Jika pihak universiti tidak mempunyai bantahan ke atas cara pembayaran sebegini, bagaimanakah Mat Pizza menentukan harga penjualan pizzanya kepada penuntut-penuntut Ekonomi dan Kejuruteraan? (Gunakan gambar rajah dalam jawapan anda)

(ii) Jika pihak universiti membantah ke atas cara perniagaan sebegini di sebabkan prinsip-prinsip ketidakadilan dan mengarahkan supaya semua pelanggan patut membayar harga yang sama (tidak kira cara pembayaran mereka), bagaimanakah Mat Pizza patut menentukan harga penjualan pizza mereka? Pihak manakah yang untung dan pihak manakah yang rugi? Adakah cara ini lebih adil?

(12 markah)

4. Baru-baru ini terdapat banyak khabar angin mengenai firma-firma "*multinasional*" di Malaysia yang mengambil keputusan untuk berhijrah ke negara-negara jiran oleh kerana kos buruh yang semakin meningkat di negara kita.
- (a) Lakarkan satu gambar rajah dan gunakan konsep-konsep isokuan-isokos yang telah anda pelajari untuk menjelaskan kenapa firma-firma "*multinasional*" ini mungkin berbuat demikian.
- (5 markah)
- (b) Dalam kes ini, jenis industri apakah yang bakal menjadi calon penghijrahan ke negara-negara jiran? Berikan pendapat anda.
- (5 markah)
- (c) Adakah insentif untuk berhijrah ke negara asing lebih ketara jika isokuan-isokuan firma-firma "*multinasional*" tersebut berbentuk cembung ke titik asalan ataupun berbentuk "L" sudut tepat?
- (5 markah)
- (d) Apakah faktor-faktor ekonomi yang mungkin menghalang penghijrahan ini daripada berlaku?
- (5 markah)

- oooOooo -